

**PENGGUNAAN KAMUS DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB; SATU  
TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR PUSAT MATRIKULASI KOLEJ UNIVERSITI  
ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

Hakimi Bin Abd Halim<sup>1</sup>  
*hakimi@kuis.edu.my*

Noor Hazleena Binti Mohd Nor Hazlee<sup>2</sup>  
*noorhazleena@kuis.edu.my*

*Universiti Islam Selangor (UIS)*

**ABSTRAK**

Pusat Matrikulasi KUIS menawarkan subjek Bahasa Arab bagi semua kursus pengajian yang ditawarkan. Ia meliputi tiga tahap penguasaan iaitu tahap permulaan, tahap pertengahan dan tahap lanjutan. FAWU1093 Al-Lughah Al-Arabiah Al- Muasirah bahasa Arab adalah peringkat permulaan, FAWU1103 Al-Lughah Al-Arabiah Al- Ittisoliah adalah bahasa Arab peringkat pertengahan dan FAWU1113 Al-Lughah Al-Arabiah At-Tatbiqiah adalah bahasa Arab peringkat lanjutan. Bagi pelajar Asasi Pengajian Islam dan Asasi Bahasa Arab, mereka akan mempelajari FAWU1103 dan FAWU1113, manakala bagi pelajar Asasi Pengurusan, Asasi Teknologi Maklumat, Asasi Komunikasi dan Asasi Bahasa Inggeris akan mengambil subjek FAWU1093 dan FAWU1113. Umum diketahui bahawa untuk mempelajari bahasa asing, penggunaan kamus sangat diperlukan bagi memahami perkataan asing tersebut. Kamus dilihat sebagai satu medium penting dalam menguasai dan memahami kosa kata dalam sesebuah bahasa. Kini, perkembangan dunia pendidikan telah beralih kepada era digital. Kamus bukan lagi tertumpu kepada kamus fizikal semata-mata, bahkan kamus atas talian kini merupakan sumber rujukan utama bagi pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap penggunaan kamus dalam pembelajaran bahasa arab di kalangan pelajar Pusat Matrikulasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan diedar kepada responden terdiri daripada pelajar Pusat Matrikulasi KUIS yang mengambil subjek bahasa arab. Hasil kajian mendapati pelajar lebih mengenali kamus dwi-bahasa berbanding kamus eka-bahasa. Pelajar juga lebih gemar menggunakan aplikasi kamus atas talian berbanding kamus fizikal.

**Katakunci:** *Kamus Arab, bahasa Arab servis*

**PENGENALAN**

Penggunaan kamus dalam pembelajaran bahasa amat membantu pelajar dalam pembelajaran kerana ia merupakan sumber rujukan yang mengandungi senarai perkataan yang disusun mengikut abjad (Nor Hashimah, 2003). Ia memberi kemudahan pada pelajar untuk mencari perkataan yang ingin diketahuimaknya serta keterangan berkenaan kata-kata tersebut.

Seharusnya kamus dijadikan bahan utama dalam pengajaran bagi tujuan rujukan dan untuk mendapatkan informasi (Nathesan, 1990:17). Hujah ini disokong oleh Kipfer (1984) dengan takrifan kamus merupakan bahan rujukan yang mengandungi perkataan, sebutan, makna dan

penggunaan idiom. Jelas di sini fungsi kamus bukan sekadar rujukan bahkan ia merupakan bahan utama untuk mendapatkan informasi.

Selain itu, kamus juga berfungsi untuk menambahkan pengetahuan pelajar mengenai penggunaan bahasa secara formal atau tidak formal (Tarigan, 1985) dalam Abdul Rahim (2003), yang boleh digunakan dalam perbualan atau selainnya. Jelas di sini, kepelbagaian gunaan kamus bukan sekadar mencari makna seerti sahaja bahkan membantu pelajar dalam segala aspek.

Namun begitu penggunaan kamus dilihat amat mengecewakan apabila kajian lepas menunjukkan kelemahan pelajar dalam bertutur atau komunikasi adalah berpunca daripada kurang menguasai kosa kata (Rosni Samah et.al, 2013). Kosa kata merupakan aset penting dalam pembelajaran bahasa. Pendedahan kosa kata perlu diutamakan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan baik

Dalam pembelajaran bahasa Arab contohnya, pelbagai kamus bahasa seperti bahasa Arab - Melayu, Arab - Arab dan juga Arab - Inggeris boleh digunakan sebagai rujukan untuk menambah kosa kata. Walaubagaimanapun kamus bahasa Arab- Arab adalah lebih baik dalam menambahkan kosa kata bahasa Arab (Rosni Samah, 2010). Kosa kata yang telah dijumpai perlulah dicatat dan digunakan seharian. Setelah itu boleh dibentuk menjadi ayat dari kosa kata tersebut. Dari penggunaan kamus ini dapat melatih pelajar membentuk ayat dari perkataan yang ditemui, seterusnya pelajar boleh cuba menggunakan ayat yang dibina untuk bertutur atau berkomunikasi.

Kesimpulannya, kamus merupakan sumber utama rujukan yang sangat penting dalam mempelajari bahasa Arab bagi membantu penguasaan dan kefahaman pelajar. Keupayaan dalam menyelesaikan masalah berhubung aspek penggunaan bahasa iaitu ejaan, morfologi dan sintaksis dan yang paling utama iaitu mencari makna perkataan adalah peranan besar yang dimainkan oleh kamus (Asmah, 1986). Seperti yang dihuraikan berkenaan kepentingan penggunaan kamus bahasa asing tidak dapat disangkal lagi.

Di Pusat Matrikulasi KUIS, subjek Bahasa Arab adalah subjek yang wajib dipelajari oleh semua pelajar daripada pelbagai program. Terdapat enam program yang ditawarkan di Pusat Matrikulasi KUIS adalah Asasi Pengajian Islam, Asasi Pengurusan, Pengajian Asas Teknologi, Asasi Bahasa Arab dan Asasi Bahasa Inggeris. Pelajar mesti mengambil subjek bahasa untuk memenuhi jam kredit mereka. Bagi pelajar program Asasi Pengajian Islam dan Asasi Bahasa Arab mereka perlu mengambil dua subjek iaitu FAWU 1103 dan FAWU1113. Walaupun subjek ini bukanlah subjek teras mereka, namun pengabaianya secara total, boleh menjadi penyebab kejatuhan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) atau *Cumulative Grade Point Average* (CGPA) mereka.

## **KAJIAN LEPAS**

Beberapa tinjauan terhadap kajian lepas berkaitan dengan kamus memperlihatkan kamus bukan sahaja dianggap sebagai kitab yang mengandungi pelbagai kata dan makna di dalamnya tetapi juga merupakan gerbang untuk seseorang mengetahui segala maklumat secara sistematik, pantas dan tepat. Kajian J. Tomaszczyk (1987: 23) berkaitan dengan kamus dwibahasa kepada individu asing mendapati ada di antara masyarakat yang beranggapan kamus dwibahasa tidak berguna kepada pembelajaran bahasa asing. Namun menurut Tomaszczyk kamus sebenarnya berperanan sebagai alat bantu mengajar yang dapat mengisi kelompangan dalam mempelajari bahasa asing. Beliau

memecahkan kebaikan kamus dwibahasa kepada empat pecahan yang meliputi aspek kosa kata khusus dalam bidang budaya, gangguan bahasa ibunda/bahasa asing, implikasi kontras antara bahasa dan keutamaan serta kelaziman penggunaan kamus kepada individu asing.

## OBJEKTIF KAJIAN

- Mengenalpasti tahap penggunaan kamus dalam pembelajaran bahasa arab di kalangan pelajar Pusat Matrikulasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mengukur pengetahuan pelajar tentang kamus Bahasa Arab.
- Mengetahui tujuan penggunaan kamus bahasa Arab oleh pelajar.
- Mengukur keberkesanan kamus dalam pembelajaran bahasa Arab

## METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan awal (*exploratory study*) berhubung dengan penggunaan kamus dalam kalangan pelajar Pusat Matrikulasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang mengambil subjek Bahasa Arab. Kajian yang dijalankan menerusi kaedah tinjauan akan dianalisis secara deskriptif, yang sering digunakan dalam pendidikan khususnya yang mengaitkan hubungan semua pembolehubah dalam konteks sedia ada, seperti latar belakang, sikap dan pencapaian (Majid2004). Justeru, reka bentuk kajian ini dianggap sesuai kerana penggunaannya yang menyeluruh, pengendalian dan pungutan data boleh dilakukan dengan cepat.

## DAPATAN KAJIAN

### A) Demografi

		Semester			
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	SEM 1	32	42.7	42.7	42.7
	SEM 2	37	49.3	49.3	92.0
	SEM 3	6	8.0	8.0	100.0
	Total	75	100.0	100.0	

**Rajah 1.1**

Responden kajian di ambil secara rawak tanpa mengira semester. Hal ini kerana pelajar yang akan mengambil subjek bahasa arab akan berbeza mengikut semester berpandukan program mereka. Di sini memperlihatkan sebahagian besar sampel yang diuji adalah dari semester dua iaitu seramai 37 orang manakala diikuti dengan semester satu 32 orang dan semester tiga seramai 6 orang. Menjadikan keseluruhan responden adalah 75 orang pelajar.

**Program**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Pengajian Islam	30	40.0	40.0	40.0
Pengurusan	2	2.7	2.7	42.7
Bahasa Arab	11	14.7	14.7	57.3
Komunikasi	2	2.7	2.7	60.0
Bahasa Inggeris	30	40.0	40.0	100.0
Total	75	100.0	100.0	

**Rajah 1.2**

Rajah 1.2 pula menunjukkan latar belakang program yang di ambil oleh responden. Rajah ini menunjukkan responden terdiri daripada pelbagai program seperti Program Asasi Pengajian Islam, Pengurusan, Bahasa Arab, Komunikasi dan Bahasa Inggeris. Bilangan taburan responden mengikut program agak rawak oleh kerana bilangan pelajar yang tidak sama pada setiap program yang ditawarkan.

**Kategori Program Asas Arab**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid ProgArab	41	54.7	54.7	54.7
ProgNoAr	34	45.3	45.3	100.0
Total	75	100.0	100.0	

**Rajah 1.3**

Namun begitu, bilangan taburan responden mengikut responden yang rawak tidak memberi kesan kepada kajian. Hal ini kerana pengkaji dapat membahagikan responden kepada dua kategori. Seperti yang dapat dilihat pada rajah 1.3 , kategori pertama ialah kategori Program Arab yang membawa maksud program-program pengajian yang memerlukan asas bahasa Arab dimana pelajar perlu mengambil subjek bahasa arab pada peringkat SPM bagi melayakkan untuk menyambung ke program tersebut. Program-program tersebut adalah Program Asasi Pengajian Islam dan Asasi Bahasa arab.

Maka kumpulan ini sudah semestinya mempunyai asas bahasa Arab. Manakala kategori yang kedua pula adalah Program No Arab yang membawa maksud program-program pengajian yang tidak memerlukan asas bahasa Arab dan pelajar boleh menyambung ke program-program yang ditawarkan tanpa mengambil subjek bahasa Arabdi peringkat SPM. Program-program tersebut adalah program Asasi Pengurusan, Asasi Komunikasi dan Asasi Bahasa Inggeris

## **B) Pengetahuan tentang kamus bahasa Arab**

### **1.1 Saya mempunyai sebuah kamus fizikal bahasa Arab**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Tiada	39	52.0	52.0	52.0
Ya	36	48.0	48.0	100.0
Total	75	100.0	100.0	

**Rajah 2.0**

Rajah 2.0 menunjukkan sebanyak 52% responden tidak mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kamus fizikal bahasa Arab. Seterusnya sebanyak 48% mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kamus bahasa Arab. Pengkaji berpendapat bahawa responden yang tidak memiliki kamus adalah kerana bukan keperluan subjek responden mahupun keperluan peribadi mereka. Adapun yang memiliki kamus fizikal bahasa Arab disebabkan keperluan subjek dalam program yang mereka ceburi.


**Descriptive Statistics**

	N	Mean	Std. Deviation
1.2 Saya lebih gemar menggunakan kamus Bahasa Arab Online berbanding kamus fizikal	75	3.627	1.0877
1.3 Saya lebih gemar menggunakan kamus fizikal berbanding kamus online.	75	3.333	1.0045
Valid N (listwise)	75		

**Rajah 2.1**

Rajah 2.1 pula menunjukkan min bagi soalan “saya lebih gemar menggunakan kamus bahasa Arab online berbanding kamus fizikal” adalah 3.627. dengan menggunakan skala 1 bagi sangat tidak setuju dan skala 5 bagi sangat setuju. Min 3.627 menunjukkan responden cenderung ke arah setuju bagi pernyataan ini. Namun terdapat juga jurang antara min 3.627 berbanding min 4.000 dimana min 4.000 responden bersetuju.

Manakala bagi pernyataan 1.3 pada rajah 2.1 pula menunjukkan min 3.333 bagi pernyataan “saya lebih gemar menggunakan kamus fizikal berbanding kamus online”. Min 3.333 bagi pernyataan ini dapat dilihat dimana responden tidak pasti dan kurang bersetuju untuk lebih gemar menggunakan kamus fizikal berbanding kamus online. Namun dapat disimpulkan berdasarkan kedua-dua min bagi dua pernyataan ini dimana pernyataan 1.2 mendapat min yang lebih tinggi. Pengkaji berpendapat bahawa kamus online lebih digemari oleh kerana kemudahan untuk mengaksesnya berbanding kamus fizikal.



Rajah 2.2

Rajah 2.2 pula menunjukkan kamus online pilihan responden dimana peratus tertinggi adalah kamus *google translate* diikuti pula dengan *kamus al-maany*. Google translate amat popular bagi pelajar yang tidak mengambil program bahasa Arab atau bagi pelajar beginner. Hal ini kerana ia mudah digunakan serta pilihan bahasa yang pelbagai ditawarkan olehnya. Manakala Al-maany pula menjadi pilihan kamus bagi pelajar yang mengambil program Asasi Pengajian Islam dan Bahasa Arab. Pengkaji berpendapat bahawa kamus al-maany lebih diyakini oleh responden untuk mencari kalimah makna perkataan dengan lebih tepat. Namun begitu aplikasi kamus online yang digunakan juga dipengaruhi oleh peranan pensyarah atau guru yang mencadangkan kamus yang sesuai digunakan kepada pelajar.

### C) Tujuan penggunaan kamus dalam pembelajaran bahasa arab.

Descriptive Statistics

	N	Mean	Std. Deviation
2.1 Saya menggunakan kamus kerana merupakan keperluan dalam melengkapkan subjek yang saya ambil.	75	4.2800	.84725
2.2 Saya menggunakan kamus kerana motivasi yang diberikan oleh guru saya.	75	3.680	.9609
2.3 Saya menggunakan kamus kerana saya berminat untuk menambah kosa kata.	75	3.867	.9910
Valid N (listwise)	75		

Rajah 2.3

Rajah 2.3 menunjukkan tujuan penggunaan kamus oleh responden. Dimana pernyataan 1.2 pada rajah 2.3 menunjukkan min 4.280 iaitu yang tertinggi diikuti oleh pernyataan 2.3 dengan min 3.867 seterusnya pernyataan 2.2 dengan min 3.680. Dorongan utama responden untuk menggunakan

kamus sama ada online atau fizikal adalah disebabkan oleh keperluan dalam melengkapkan subjek yang diambil. Responden perlu menggunakan kamus dalam menyelesaikan tugas atau pembelajaran yang ditawarkan oleh subjek bahasa arab. Antara tujuan lain penggunaan kamus oleh responden adalah kerana berminat untuk menambahkan kosa kata. Ia ditunjukkan pada pernyataan 2.3 dengan min 3.867 dimana bacaan min bagi pernyataan 2.3 adalah hampir ke arah bersetuju. Hal ini memperlihatkan kamus sebagai rujukan utama dalam menambah kosa kata kepada pelajar. Manakala bacaan min bagi pernyataan 2.2 adalah sedikit rendah bagi dua pernyataan yang lain. Para pensyarah boleh meningkatkan lagi motivasi dan dorongan serta panduan kepada pelajar bagi mengaplikasikan penggunaan kamus secara meluas.

### C) Keberkesanan kamus dalam pembelajaran bahasa arab

Descriptive Statistics			
	N	Mean	Std. Deviation
3.1 Saya lebih yakin menggunakan kamus fizikal berbanding kamus online.	75	3.653	1.0200
3.2 Saya lebih yakin menggunakan kamus online berbanding kamus fizikal.	75	3.453	.9342
Valid N (listwise)	75		

Rajah 3.1

Seterusnya rajah 3.1 menunjukkan dua pernyataan berkaitan dengan keyakinan pelajar dimana pernyataan 3.1 pada rajah 3.1 iaitu “saya lebih yakin menggunakan kamus fizikal berbanding online” mencatatkan min sebanyak 3.653 lebih cenderung ke arah setuju berbanding dengan pernyataan 3.2 dengan min 3.453. Ini adalah kerana responden lebih yakin untuk menggunakan kamus fizikal kerana ketepatan yang diberi. Kadangkala pelajar akan melakukan kesalahan dalam melakukan terjemahan menggunakan kamus online terutamanya *google translate*.

**Descriptive Statistics**

	N	Mean	Std. Deviation
3.3 Kamus online membantu saya untuk membuat perbandingan antara makna kalimah yang diberikan berbanding dengan kamus fizikal	75	3.493	.8601
3.4 Saya perlu mengetahui kata dasar untuk mencari perkataan menggunakan kamus fizikal berbanding kamus online	75	3.853	1.0093
3.5 Saya mendapat pelbagai contoh ayat yang digunakan menggunakan kamus online berbanding kamus fizikal	75	3.667	.8751
3.6 Saya dapat menyebut (pronunciation) kalimah dengan lebih baik menggunakan kamus online berbanding kamus fizikal	75	3.733	.8904
Valid N (listwise)	75		

**Rajah 3.2**

Rajah 3.2 pula menunjukkan pernyataan berkaitan kelebihan dan keberkesanan kamus online berbanding kamus fizikal dalam pembelajaran bahasa Arab. Pada pernyataan 3.4 dengan min 3.853 responden cenderung untuk bersetuju bahawa untuk menggunakan kamus fizikal mereka perlu untuk mengetahui kata dasar sesuatu kalimah Arab itu untuk mencari makna yang tepat. Seterusnya pada pernyataan 3.6 dengan min sebanyak 3.733 responden juga dilihat lebih cenderung untuk bersetuju dimana dengan menggunakan kamus online mereka dapat menyebut perkataan tersebut dengan lebih jelas dan betul. Ini kerana kamus online juga mempunyai ciri-ciri audio dimana pengguna dapat mendengar audio tersebut dalam menyebut kalimah Arab. Seterusnya bagi pernyataan 3.5 dengan min 3.667 responden cenderung ke arah bersetuju namun bukanlah dengan min yang tinggi dimana responden dapat pelbagai contoh ayat bagi kalimah yang dicari menggunakan kamus online. Akhir sekali pernyataan 3.3 dengan min 3.493 dimana responden cenderung ke arah tidak pasti tentang kamus online dapat membantu untuk membuat perbandingan antara makna yang diberi bagi sesuatu kalimah.



**Descriptive Statistics**

	N	Mean	Std. Deviation
3.7 Kamus membantu saya menguatkan ingatan terhadap kalimah bahasa arab	75	4.120	.8536
3.8 Saya dapat memahami ayat setelah mencari kalimah menggunakan kamus	75	4.200	.9005
3.9 Saya dapat membina ayat setelah mencari kalimah menggunakan kamus	75	4.160	.8549
Valid N (listwise)	75		

**Rajah 3.3**

Akhir sekali rajah 3.3 memperlihatkan pernyataan kelebihan kamus secara umum kepada pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Pernyataan 3.8 dengan min 4.200 yang merupakan min tertinggi dan diikuti oleh pernyataan 3.9 dengan min 4.160 dan akhir sekali pernyataan 3.7 dengan min 4.120 Dimana secara keseluruhan responden bersetuju dengan pernyataan yang diberi oleh pengkaji dengan catatan min 4.000 dan ke atas. Tetapi jika diperhatikan min pada pernyataan 3.9 agak rendah berbanding dengan min pada pernyataan 3.8 adalah kerana pernyataan 3.9 memerlukan aplikasi manakala pernyataan 3.8 hanya melibatkan proses pemahaman dan juga terjemahan. Selain itu pernyataan 3.7 memperlihatkan kesan dan bantuan yang diberikan oleh kamus dalam menguatkan ingatan seseorang pelajar terhadap kalimah yang dicari melalui kamus berbanding dengan kalimah yang diberi beserta maknanya.

## **KESIMPULAN**

Hasil kajian ini menunjukkan kepentingan penggunaan kamus dalam kalangan responden dimana kamus merupakan sebuah medium untuk memperoleh kosa kata dan perbendaharaan kata bagi pembelajaran bahasa Arab mahupun bahasa lain. Kamus juga memainkan peranan penting untuk menguasai bahasa dalam semua kemahiran termasuk kemahiran menulis, membaca dan bertutur. Pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan kamus dalam pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Pusat Matrikulasi Kolej Universiti Islam Selangor KUIS belum meluas. Para pensyarah disarankan agar mengajar dan menitik beratkan soal penggunaan kamus kepada pelajar. Akhir sekali pensyarah dan pelajar perlu memanfaatkan teknologi kamus yang semakin canggih dalam era digital pada masa kini.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahim Mat Husin. 2003. Pengaruh Sikap Dan Motivasi Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. 1986. Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

- Kipfer, Barbara Ann. 1984. *Workbook On Lexicography*. England: University Of Exeter
- Nathesan. S. 1990. *Kamus: Penggunaannya Diabaikan Dalam Pengajaran Bahasa*. *Pelita Bahasa*. Jilid 34. Bil. 2 Hlm 16-17
- Norhashimah Jalaludin. 2003. *Leksikologi Dan Leksikografi: Satu Pengenalan*. Laporan Sebatikal Institut Alam Dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari, Amizan Helmi Mohamad. 2013. *Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat*. *GEMA Online® Journal Of Language Studies* 99 Volume 13(2), May 2013.
- Rosni Bin Samah. 2010. *Pendekatan Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Di Peringkat Menengah Rendah : Kajian Kepada Guru Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (Smkakl)*. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia Nilai